

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 41**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan penempatan ke IPTA untuk pelajar STPM tidak akan terjejas pada kemasukan sesi akademik tahun 2020 memandangkan sebanyak 15,000 tempat tambahan telah ditawarkan di pusat matrikulasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip meritokrasi dalam pengambilan pelajar. Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA). Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon.

Proses pemilihan pelajar bergantung kepada pengiraan markah merit 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Markah akademik bagi kedua-dua lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Matrikulasi adalah berdasarkan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) yang diperolehi oleh calon yang memohon.

## **NO. SOALAN : 41**

Kejayaan mendapat tempat di universiti awam bergantung sepenuhnya kepada markah merit, tempat yang disediakan serta kelayakan calon dan bukannya bergantung kepada kategori calon tersebut.

Dalam tempoh dua tahun (2017-2018), lepasan STPM telah menunjukkan pertambahan penawaran sebanyak 4,242 tawaran (21.07 peratus) manakala lepasan Matrikulasi meningkat sebanyak 1,981 tawaran (10.83 peratus) pada sesi 2018/2019. Pertambahan sebanyak 15,000 tempat untuk program Matrikulasi yang diputuskan oleh Jemaah Menteri baru-baru ini, tidak akan menjejaskan proses pemilihan pelajar secara keseluruhan kerana mereka terdiri daripada kalangan pelajar yang sama. Bilangan tempat yang boleh ditawarkan bergantung kepada prasarana dan kapasiti universiti awam.

Sekian, terima kasih.

RJM 49